

## Tiada aduan penjualan cecair pembunuh kuman buatan sendiri



ALEXANDER Nanta Linggi (tengah) mengadakan lawatan kerja meninjau stok bekalan barang makanan kering di sebuah gudang di Masai, Pasir Gudang. FOTO Nurul Amanina Suhaini

Nurul Amanina Suhaini  
am@hmetro.com.my

TIDAK ada sebarang aduan berkaitan wujudnya cecair pembasmi kuman buatan sendiri di pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, pengguna dinasihatkan membuat pembelian secara bijak terutama apabila membabitkan soal keselamatan dan kesihatan diri.

"Hati-hatilah membeli sebab sekarang kita (KPDNHEP) belum terima aduan. Jadi, yang kita pastikan adalah harga berpatutan dan daripada segi bekalannya."

"Mungkin Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan membantu keberkesanannya juga. Jadi standardnya berlainan."

"Dengan barang sebegini, kita harus bekerjasama dengan agensi lain," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke sebuah gudang di Masai, Pasir Gudang hari ini.

Dalam pada itu, berhubung aduan pengguna mengenai penjualan pelitup muka terpakai, pihaknya memaklumkan sehingga kini tiada laporan diterima.

"Kita tidak terima (aduan) itu. Aduan kebanyakannya dijual mahal (pelitup muka) daripada harga yang sudah diletakkan," katanya.

Terdahulu, katanya, KPDNHEP turut melaksanakan pemeriksaan ke atas harga dan juga bekalan barang keperluan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac hingga 12 Mei lalu.

"Jumlah pemeriksaan premis yang dijalankan seluruh negara adalah sebanyak 53,349 premis dan daripada jumlah itu, 40,469 premis runcit, borong (11,453) dan kilang (1,427)," katanya.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/578329/tiada-aduan-penjualan-cecair-pembunuh-kuman-buatan-sendiri>

Artikel ini disiarkan pada : Khamis, 14 Mei 2020 @ 3:44 PM

